



Daily Express, Sabah

27 Dec 2012, by

Harian Ekspres, page 8 - 119.00 cm²

Malaysia - English Newspapers - circulation 27,897
(MTWTF)

ID 175751075

BRIEF DIALGR

INDEX 1

PAGE 1 of 1

KDNK M'sia dijangka berkembang 5 hingga 5.5 peratus tahun depan

KUALA LUMPUR: Timbalan Menteri Kewangan Datuk Donald Lim Siang Chai yakin pertumbuhan keluaran dalam negara kasar (KDNK) Malaysia akan mencecah lima hingga 5.5 peratus tahun depan.

Beliau berkata pertumbuhan itu akan dipacu oleh permintaan domestik, serta lebih banyak aliran masuk pendapatan daripada sektor pembinaan, pelancongan dan perkhidmatan.

"Mengenai defisit fiskal, kami mengjangka ia berkurangan kepada empat peratus ke bawah, daripada 4.7 peratus sekarang," katanya kepada pemberita selepas menyaksikan penyampaian cek replika daripada Quill Capita Management kepada Yayasan MyKasih.

Kerajaan menyasar mengurangkan defisit fiskal negara kepada tiga peratus menjelang 2015.

Mengulas mengenai penyampaian cek itu, Lim berkata beliau berharap

lebih banyak sumbangan seperti ini boleh dibuat di masa depan bagi meringankan beban pelajar daripada isi rumah berpendapatan rendah.

Quill Capita Management, pengurus Quill Capita Trust (QCT) hari ini melancarkan Program Derma Siswa MyKasih Love My School bagi Sekolah Kebangsaan Selayang Baru Satu.

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Quill Capita Management Yong Su Lin menyampaikan cek berjumlah RM60,900 kepada Pengerusi dan Pengasas Bersama Yayasan MyKasih Dr Ngau Boon Keat di sekolah itu.

Ngau berkata di bawah program ini, sumbangan QCT akan memberi faedah kepada 70 pelajar terpilih daripada sekolah itu, membolehkan mereka mengeluarkan eluan bulanan sebanyak RM60 setiap seorang bagi tempoh persekolahan setahun, untuk membeli buku sekolah, alat tulis dan makanan di kantin sekolah. – Bernama